

UMP baiki pencapaian

■ ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Pasukan bola sepak Universiti Malaysia Pahang (UMP) tekad memperbaiki pencapaian mereka pada Liga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) tahun depan.

Tahun ini, mereka beraksi dalam Divisyen Dua, namun terpaksa akur dengan kehebatan pesaing dan hanya mampu beraksi pada pusingan awal.

Namun, pencapaian mereka tetap boleh dipuji apabila salah seorang pemainnya, Rahmat Che Hassim, dinobatkan Penjaris Terbanyak Liga membuktikan kehebatan pemain pasukan itu dalam liga itu.

Jurulatihnya, Azaruddin Aziz berkata, pasukan yang dibarisi 25 pemain itu, memang terpaksa berdepan kesukaran memandangkan tidak semua pemain dapat dikekalkan disebabkan menamatkan pengajian.

“Memang sukar sedikit untuk mengekalkan pemain kerana masalah itu dan setiap tahun silih berganti pertukaran pemain terjadi dan saya kena



Pemain dan pegawai pasukan UMP rai kejayaan.

bekerja keras untuk memastikan momentum pasukan tidak terjejas.

“Sekarang ini, liga sudah berakhir, tetapi tahun depan, kami berazam melangkah ke suku akhir ataupun separuh akhir Divisyen Dua. Jika layak ke Divisyen Satu, ia satu bonus buat kami,” katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui selepas tamat perlawanan persahabatan menentang UniKL di

Stadium Darul Makmur di sini, kelmarin.

Mengulas aksi pemainnya, Azarudin berkata, dia berpuas hati memandangkan lawan adalah juara liga MASUM dan keupayaan pemain mengekang lawan sehingga seri 1-1, membawa kejutan buatnya.

“Cuma beberapa kelemahan perlu diperbaiki lagi kerana pemain kami bukannya ada pengalaman beraksi di pering-

kat tinggi seperti negeri ataupun Sukan Malaysia (Sukma), cuma daerah atau sekolah saja, jadi banyak lagi masa diperlukan untuk membentuk mereka.

Pasukan itu menjalani latihan empat kali seminggu di padang UMP dan semuanya bergantung dengan keadaan cuaca dan tidak terikat dengan jadual kuliah dan peperiksaan bermula jam 5.30 petang sehingga ke tujuh malam.